

## 15. TRANSFORMASI INDUSTRI TEH DI MALAYSIA

Syahrin Suhaimee<sup>1</sup>, Alam Abdul Rahman<sup>1</sup>, Nor Amna A'liah Mohammad Nor<sup>1</sup>, Mohd Rashid Rabu<sup>1</sup> dan Murni Azureen Mohd Pakri<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes

### 15.1 PENDAHULUAN

Tanaman teh telah mula bertapak di Malaysia sejak tahun 1929. Sejak itu, penanaman teh telah berkembang dengan penglibatan pelbagai syarikat yang menanam teh bukan sahaja di tanah tinggi seperti Cameron Highlands, malah di kawasan tanah rendah seperti di Selangor.


Terdapat dua klon teh yang ditanam di serata dunia iaitu *Camellia Assamica* dan *Camellia Sinensis*. Namun, klon *Camellia Assamica* merupakan klon yang paling popular dan sesuai ditanam di Malaysia serta di kebanyakan negara pengeluar teh yang beriklim tropika. Daun daripada klon ini adalah lebih beraroma berbanding klon *Camellia Sinensis* dan mempunyai daun yang lebih besar dan lebar. Klon *Camellia Sinensis* pula sering ditanam di kawasan pergunungan kerana tahan dengan cuaca sejuk dengan suhu dingin.

Setelah lebih 90 tahun teh ditanam di Malaysia, industri teh dilihat tidak berubah walaupun permintaan meningkat. Antara faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan yang perlakuan dalam industri ini antaranya ialah aktiviti penanaman yang berintensif buruh dan penglibatan pemain industri yang semakin berkurang. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai perkembangan industri teh di Malaysia dari sudut pengeluaran, perdagangan dan permintaan. Laporan ini dimulakan dengan senario pengeluaran dan keluasan penanaman teh di dunia diikuti dengan pengeluaran, keluasan, import dan ekspor teh Malaysia. Seterusnya, huraian mengenai permintaan teh dunia serta Malaysia diikuti penggunaan per kapita, perbincangan dan rumusan.

### 15.2. LATAR BELAKANG

#### 15.2.1. Pengeluaran teh dunia

Secara keseluruhan, pengeluaran teh dunia adalah berjumlah 9.29 juta tan metrik pada tahun 2019, peningkatan lebih lapan kali ganda berbanding tahun 1961 (*Rajah 15.1*). Peningkatan pengeluaran teh dunia sangat dipengaruhi oleh pengeluaran teh dari negara China terutamanya selepas tahun 2004. Pada awal tahun 1960-an, pengeluaran teh dunia didominasi oleh negara India, China dan Sri Lanka. Namun pada tahun 1975, China dilihat mula mengatasi negara Sri Lanka dan seterusnya mendahului negara India sebagai pengeluar terbesar



Nota: Skala bagi keseluruhan pengeluaran teh dunia berada di sebelah kanan manakala skala pengeluaran teh bagi negara China, India, Kenya, Sri Lanka, Malaysia dan Turki berada di sebelah kiri

Sumber: FAOSTAT 2021


**Rajah 15.1:** Pengeluaran teh bagi negara China, India, Kenya, Sri Lanka, Malaysia, Turki dan keseluruhan dunia 1961 – 2019

pada tahun 2006. Peningkatan pengeluaran yang drastik sejak tahun 2004 menjadikan negara China berupaya menghasilkan teh sebanyak 2.79 juta tan metrik setahun pada tahun 2019. Jumlah ini sangat jauh mengatasi negara lain seperti India yang hanya mengeluarkan 1.39 juta tan metrik setahun.

Negara Kenya menjadi antara pengeluar utama ketiga terbesar bermula tahun 2007 dengan jumlah pengeluaran 458,000 tan metrik pada tahun 2018. Peningkatan pengeluaran teh di Kenya didorong oleh penglibatan syarikat Unilever yang membuka kawasan penanaman teh secara kontrak dalam membekalkan daun teh kepada syarikat tersebut. Negara lain yang menunjukkan peningkatan yang tinggi dalam pengeluaran teh ialah negara Turki. Pengeluaran teh di negara Turki meningkat secara perlahan namun semakin menghampiri dengan jumlah pengeluaran teh negara Sri Lanka pada tahun 2018 dengan jumlah pengeluaran teh Turki sebanyak 261,000 tan metrik berbanding 300,000 tan metrik dari Sri Lanka. Malaysia menjadi negara pengeluar teh ke-23 terbesar dunia dengan jumlah pengeluaran sebanyak 10,800 tan metrik pada tahun 2018.

### 15.2.2. Keluasan penanaman teh dunia

Jumlah keluasan penanaman teh dunia ialah 8.26 juta ha. Keluasan penanaman teh sangat dipengaruhi oleh keluasan tanaman teh China. Keluk peningkatan dan penurunan keluasan teh dunia adalah hampir sama dengan keluk keluasan teh China (Rajah 15.2). Pengeluaran teh yang tinggi di China disebabkan oleh



Nota: Skala bagi keseluruhan keluasan penanaman teh dunia berada di sebelah kanan manakala skala keluasan penanaman teh bagi negara China, India, Kenya, Sri Lanka, Malaysia dan Turki berada di sebelah kiri

Sumber: FAOSTAT 2021

**Rajah 15.2:** Keluasan penanaman teh bagi negara China, India, Kenya, Malaysia, Sri Lanka dan Turki 1961 – 2019 (ha)

peningkatan keluasan penanaman sejak 1968. Negara China menunjukkan jumlah peningkatan keluasan penanaman teh yang terbesar iaitu daripada 354,979 ha pada tahun 1961 kepada 3.1 juta ha pada tahun 2019. Terdapat penurunan keluasan penanaman teh di China daripada 1.1 juta ha pada tahun 1984 kepada 834,313 ha pada tahun 1985 disebabkan pengurangan eksport ke negara Eropah pada tahun tersebut. Peningkatan keluasan penanaman teh yang drastik dilihat bermula tahun 2007 daripada 1.29 juta ha kepada 3.1 juta ha pada tahun 2019. Situasi tersebut menyebabkan jumlah keluasan di China ialah lima kali lebih luas berbanding dengan keluasan penanaman teh di India pada tahun 2019. Keluasan penanaman teh di negara pengeluar utama yang lain adalah tidak berubah dengan ketara kecuali di negara India dan Kenya. Walau bagaimanapun, peningkatan keluasan di negara India dan Kenya adalah rendah berbanding peningkatan yang sangat tinggi di negara China. Keluasan penanaman teh di Malaysia adalah pada kedudukan ke-29 pada tahun 2018 dengan keluasan sebanyak 2,083 ha.


### 15.3. TRANSFORMASI PENAWARAN, EKSPORT, IMPORT DAN PENGGUNAAN

#### 15.3.1. Pengeluaran dan keluasan penanaman teh Malaysia

Penanaman teh di Malaysia telah bermula sejak 1929, namun data yang diperoleh hanyalah dari tahun 1961. Keluasan penanaman teh di Malaysia secara amnya menurun daripada 3,521 ha pada tahun 1961 kepada 1.440 ha pada tahun 2019 secara beransur-ansur (*Rajah 15.3*). Penurunan kawasan penanaman adalah disebabkan oleh penutupan syarikat-syarikat yang

mengusahakan ladang teh di Pahang, Selangor, Johor dan Sarawak, didorong dengan masalah mendapatkan tenaga buruh. Majoriti pekerja adalah daripada warga asing terutamanya melibatkan kerja-kerja ladang seperti memetik daun teh dan membawanya ke pusat pengumpulan. Kawasan penanaman teh pada mulanya tertumpu di Pahang, Selangor, Perak, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, teh hanya ditanam di Pahang, Selangor dan Sabah dengan pengurangan kawasan penanaman teh telah pun bermula sejak tahun 2003. Kawasan utama penanaman teh di Malaysia iaitu di Pahang turut mengalami penurunan kluasan. Penanaman teh hanya melibatkan syarikat yang mengusahakannya secara estet namun terdapat penglibatan pekebun kecil bagi tanaman teh di Sarawak.

Walaupun kluasan penanaman teh berkurangan, pengeluaran teh meningkat daripada 2,635 tan metrik pada tahun 1961 kepada 10,800 tan metrik pada tahun 2018 sebelum turun kepada 6,600 tan metrik pada tahun 2019. Penurunan hasil pengeluaran teh sekitar tahun 1999 – 2005 disebabkan kesan El-Nino yang menyebabkan gangguan terhadap taburan hujan yang mempengaruhi pertumbuhan daun pokok teh. Antara faktor penurunan pengeluaran teh selepas tahun 2012 ialah serangan penyakit dan ketidaksuburan




Sumber: FAOSTAT, 2021

**Rajah 15.3:** Pengeluaran (t) dan (ha) kluasan penanaman teh di Malaysia 1961 – 2019 tanah (Mansur 2019).

### 15.3.2. Eksport teh

Malaysia adalah antara pengeluar teh dunia dan mengeksport teh ke-89 buah negara termasuk Singapura, Vietnam, Indonesia, Thailand, Hong Kong dan Brunei sebagai destinasi eksport utama. Peningkatan eksport adalah pada kadar sederhana dari tahun 2006 – 2015, daripada 1,035 tan metrik pada tahun 2006 kepada 1,843 pada tahun 2015 (Rajah 15.4). Eksport mencecah 2,500




Nota: Skala bagi kuantiti eksport berada di sebelah kiri manakala skala bagi nilai eksport berada di sebelah kanan

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

**Rajah 15.4:** Eksport teh Malaysia dalam kuantiti (t) dan nilai (RM) 2006 – 2019

tan metrik pada tahun 2011 namun kemudiannya menurun. Eksport meningkat dengan mendadak dari tahun 2016 sehingga mencecah 6,134 tan metrik pada tahun 2019. Peningkatan kuantiti teh yang dieksport memberi kesan ke atas nilai eksport teh yang mencecah RM166 juta pada tahun 2019 berbanding hanya bernilai RM22 juta pada tahun 2015. Peningkatan nilai eksport turut dipengaruhi oleh purata harga per tan metrik yang turut meningkat daripada RM10,441/t pada tahun 2013 kepada RM16,936/t pada tahun 2017 dan terus meningkat kepada RM27,081/t pada tahun 2019.

Eksport terbesar Malaysia adalah ke negara jiran, Thailand dengan kuantiti mencecah 1,933 tan metrik pada tahun 2018 (*Rajah 15.5*). Eksport ke Thailand adalah konsisten dan semakin meningkat sejak tahun 2006 kecuali




Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

**Rajah 15.5:** Kuantiti eksport teh Malaysia ke Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia, Hong Kong dan Vietnam (t) 2006 – 2019

pada tahun 2011 dan 2015. Negara kedua eksport teh tertinggi ialah Singapura dengan jumlah 882 tan metrik pada tahun 2019. Namun pada tahun 2018 dan 2019, nilai eksport ke Vietnam melebihi Singapura dengan jumlah 1,432 tan metrik pada tahun 2019. Eksport ke negara Indonesia dan Hong Kong juga dilihat semakin meningkat sejak 2016 apabila kuantiti eksport ke Indonesia meningkat daripada 70 tan metrik pada tahun 2016 kepada 716 tan metrik pada tahun 2019, manakala eksport ke Hong Kong meningkat daripada 10 tan metrik pada tahun 2016 kepada 297 tan metrik pada tahun 2019.

Walaupun kuantiti eksport adalah tertinggi ke negara Thailand, nilai eksport ke Vietnam adalah tertinggi mengatasi Thailand pada tahun 2018 dan 2019 (*Rajah 15.6*). Nilai eksport ke Vietnam adalah tertinggi berbanding negara lain pada tahun 2018 dan 2019 dengan nilai sebanyak RM69.2 juta dan RM110.3 juta. Nilai eksport Singapura mencecah RM15.9 juta disebabkan peningkatan kuantiti eksport pada tahun 2019. Nilai eksport ke Thailand adalah tertinggi pada tahun 2016 iaitu RM11.7 juta namun kemudiannya menurun sehingga RM9.6 juta pada tahun 2019.




Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

**Rajah 15.6:** Nilai eksport teh Malaysia ke Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia, Hong Kong dan Vietnam (RM) 2006 – 2019

### 15.3.3. Import teh

Malaysia turut mengimport teh walaupun menjadi salah sebuah negara pengeksport teh, malah kuantiti dan nilai import adalah lebih besar berbanding dengan kuantiti dan nilai eksport teh Malaysia. Trend import teh agak sekata dengan jumlah 14,829 tan metrik pada tahun 2006 kepada 29,436 tan metrik pada tahun 2019 (*Rajah 15.7*). Kuantiti import teh naik mendadak pada tahun 2014 dengan kuantiti 25,467 tan metrik dan kemudiannya turun kepada 21,288 tan metrik pada tahun berikutnya. Nilai import teh mencecah RM450.8 juta pada tahun 2019 berbanding dengan hanya RM74.5 juta pada tahun 2006.



Nota: Skala kuantiti import berada di sebelah kiri manakala skala nilai import di sebelah kanan  
Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia


**Rajah 15.7:** Import teh Malaysia dalam kuantiti (t) dan nilai (RM) 2006 – 2019

Trend nilai import juga meningkat secara sekata bermula tahun 2006 – 2015 namun menurun dengan mendadak pada tahun 2008 dan 2011. Pertumbuhan nilai import teh adalah lebih tinggi dalam tempoh 2016 – 2019 berbanding dengan tempoh 2006 – 2015.

Kuantiti terbesar yang diimport oleh Malaysia adalah dari negara Indonesia dengan jumlah sekitar 8,000 – 10,000 t/tahun mulai 2006. Kuantiti import dari Indonesia adalah stabil kecuali meningkat pada tahun 2012 dan 2014 mencecah 10,980 tan metrik. Import teh kedua terbesar adalah daripada negara China meningkat daripada 1,986 tan metrik pada tahun 2006 kepada 5,202 tan metrik pada tahun 2019. Import dari Vietnam sedikit melebihi daripada China pada tahun 2006 (2,234 tan metrik) dan telah mengatasi China dalam tempoh 2009 – 2013 dan 2015 – 2018 (*Rajah 15.8*).


Import dari India adalah sekitar 300 – 800 tan metrik dari tahun 2006 – 2013, namun kemudiannya meningkat dari 1,520 tan metrik pada tahun 2014 sehingga mencecah 3,772 tan metrik pada tahun 2016 dan menurun sehingga 3,067 tan pada tahun 2019. Import dari Kenya juga mempunyai trend yang hampir sama dengan India dari tahun 2006 – 2014. Kuantiti import dari Kenya sekitar 200 – 800 tan metrik dari tahun 2006 – 2013 dan kemudiannya meningkat mencecah 2,042 tan metrik pada tahun 2015 dan turun kepada 742 tan metrik pada tahun 2018 (*Rajah 15.8*).

*Rajah 15.9* menunjukkan nilai import China mengatasi Indonesia sejak tahun 2017 dengan nilai RM90.6 juta hingga mencecah RM202.3 juta pada tahun 2019, walaupun kuantiti import adalah terbesar dari negara Indonesia. Nilai import Indonesia adalah stabil sejak 2006 – 2019. Nilai import India dan



Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

**Rajah 15.8:** Kuantiti import teh ke Malaysia dari Indonesia, Vietnam, China, India dan Kenya, 2006 – 2019



Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia


**Rajah 15.9:** Nilai import teh (RM) ke Malaysia dari Indonesia, Vietnam, China, India dan Kenya, 2006 – 2019

Kenya semakin meningkat dari tahun 2006 – 2016 dan kemudiannya stabil hingga 2019 manakala nilai import Vietnam adalah stabil sejak tahun 2006.


Malaysia mengimport dua jenis teh yang utama iaitu teh hitam (*black tea*) dan teh hijau (*green tea*) bagi menampung permintaan domestik. Pengimportan kedua-dua jenis teh tersebut (kategori teh hitam dan hijau) adalah dalam paket kurang daripada 3 kg dan paket lebih daripada 3 kg. Majoriti teh yang diimport dalam bentuk paket melebihi 3 kg adalah dari Indonesia dengan kuantiti import meningkat daripada 6,913 tan metrik pada 2015 kepada 8,211 tan metrik pada tahun 2019. Negara Vietnam merupakan negara kedua terbesar diikuti dengan India, China dan Kenya. Kuantiti import teh dalam paket kurang 3 kg didominasi negara Indonesia dan India. Namun demikian, kuantiti import kedua-dua negara tersebut menurun sejak 2018 sehingga China mengatasi kuantiti import kedua-dua negara tersebut pada 2019. Import dari Taiwan meningkat

secara mendadak pada tahun 2019 mencecah 232 tan metrik manakala import dari Sri Lanka turun sedikit pada tahun 2016 dan stabil sehingga 2019.

Nilai import teh hitam bagi pembungkusan melebihi 3 kg adalah tertinggi dari Indonesia disebabkan kuantiti import yang tinggi. Walau bagaimanapun, nilai import teh dari China naik mendadak berbanding kuantiti import bermula 2017. Nilai import teh dari Vietnam dan India adalah stabil manakala nilai import teh dari Kenya adalah menurun. Nilai import dari China bagi teh hitam dalam paket kurang 3 kg meningkat sehingga mencecah nilai US\$6.6 juta pada tahun 2019. Penurunan import teh hitam dalam paket kurang 3 kg dari Indonesia adalah selari dengan penurunan nilai import dari negara tersebut. Peningkatan nilai import teh hitam dalam paket kurang 3 kg dari Taiwan juga selari dengan peningkatan kuantiti import. Nilai import teh hitam dalam paket kurang 3 kg dari India tidak berkurang dengan banyak berbanding penurunan kuantiti import dari negara tersebut.



Rajah 15.10: Kuantiti import (t) dan nilai import (RM) bagi teh hitam dalam paket <3 kg dan >3 kg, 2015 – 2019



**Rajah 15.11:** Kuantiti import (t) dan nilai import (ha) bagi teh hijau dalam paket <3 kg dan >3 kg, 2015 – 2019

Permintaan terhadap teh hijau di Malaysia dilihat semakin meningkat melalui peningkatan kuantiti import. Import teh hijau ke Malaysia dikuasai oleh negara China dengan mengimport 1,000 tan metrik teh hijau dalam paket melebihi 3 kg dan hampir 2,000 tan metrik untuk teh hijau dalam paket kurang 3 kg. Import teh hijau yang semakin meningkat daripada China untuk kedua-dua produk teh hijau menyebabkan nilai import yang juga tinggi dan semakin meningkat bagi produk-produk tersebut.

#### 15.3.4. Permintaan teh

Penggunaan per kapita teh adalah tertinggi di negara Turki dengan 3.1 kg/kapita, diikuti dengan negara Ireland (2.2 kg), United Kingdom (1.9kg), Iran (1.5 kg), Rusia (1.4 kg), Maghribi (1.2 kg) dan New Zealand (1.19 kg). Teh dijadikan sebagai produk pengganti bagi kopi dengan penggunaan per kapita dunia sebanyak 0.85 kg. Permintaan teh dunia telah beralih kepada teh premium seperti teh berperisa (seperti strawberi dan lemon) terutamanya di negara maju. Penduduk negara membangun masih tertumpu kepada pengambilan teh hitam.

Penggunaan teh di Malaysia telah meningkat daripada 18 juta kg pada tahun 2007 kepada 29 juta kg pada tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 61%. Peningkatan penggunaan teh mempengaruhi peningkatan penggunaan per kapita teh di Malaysia daripada 667 g pada tahun 2007 kepada 910 g pada tahun 2017, peningkatan sebanyak 36%. Faktor-faktor peningkatan penggunaan teh di Malaysia ialah peningkatan penduduk, kewujudan kedai spesialti teh premium seperti Tealive dan Chatime dan peluasan jaringan kedai mamak yang majoritinya menjual teh tarik. Majoriti rakyat Malaysia minum teh hitam, iaitu teh yang biasa diminum sebagai teh susu, yang mewakili 80% daripada penggunaan teh di Malaysia. Inovasi *ready to drink* dalam bentuk botol, tin dan kotak dengan pelbagai perasa turut menjadi pilihan pengguna. Syarikat besar seperti Unilever, Yeo's dan Fraser & Neave (F&N) mengeluarkan minuman teh bagi merancakkan permintaan terhadap teh dalam kalangan pengguna pelbagai peringkat umur. Selebihnya ialah penggunaan teh hijau, teh putih dan teh berperisa seperti teh strawberi. Bermula tahun 2008, duti import teh telah dimansuhkan sejajar dengan perjanjian perdagangan AFTA yang telah ditandatangani oleh negara ASEAN termasuk Malaysia. Duti import teh daripada China juga telah dimansuhkan pada Januari 2010 untuk menggalakkan perdagangan antara kedua-dua negara.

### 15.4. RUMUSAN

Berdasarkan statistik yang dinilai dalam laporan ini, terdapat transformasi dalam struktur industri teh global dan negara. Struktur pengeluaran, perdagangan dan permintaan teh dunia termasuklah Malaysia adalah meningkat saban tahun. Pengeluaran, keluasan dan eksport teh dunia didominasi oleh negara China yang menunjukkan peningkatan dalam tempoh tersebut. Pengeluaran teh daripada negara lain turut meningkat seperti di India, Sri Lanka dan Kenya namun pertumbuhannya jauh lebih rendah berbanding China.

Pengeluaran teh di Malaysia semakin turun sejak tahun 2012 disebabkan oleh penutupan ladang-ladang teh yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan buruh. Industri teh yang berintensif buruh untuk tujuan penuaan

dengan cabaran persekitaran kawasan penanaman berbukit-bukau serta persaingan permintaan buruh industri sayur-sayuran di tanah tinggi menggugat kelestarian industri teh negara. Oleh yang demikian, pengeluaran teh di Malaysia hanya tertumpu pada syarikat tertentu sahaja seperti BOH Plantation. Serangan penyakit dan usia pokok turut menjadi penyebab penurunan hasil pokok teh di Malaysia. Demi menampung permintaan domestik, Malaysia telah mengimport teh terutamanya dari Indonesia dengan nilai yang lebih rendah berbanding nilai import teh dari China. Di samping itu, Malaysia turut mengeksport teh terutamanya ke Thailand dengan nilai eksport teh yang terbesar adalah daripada negara Vietnam.

Penggunaan teh di Malaysia secara majoritinya ialah teh hitam maka penanaman teh di kawasan tanah rendah boleh diperluas untuk mengurangkan import. Peluasan tanaman teh di kawasan tanah rendah dijangka dapat menggalakkan penglibatan pekebun kecil. Selain itu, penanaman semula teh perlu dipertingkatkan untuk menjamin kelestarian bekalan teh domestik. Eksport teh premium perlu dipertingkatkan ke negara maju yang beralih kepada penggunaan teh premium berbanding dengan teh hitam.

### 15.5. RUJUKAN

- Mansur, K. (2019). Tea production in Malaysia: Culture versus challenges and prospect to Malaysian Economics. *International Journal of Research and Innovation in Social Sciences*, 3(4), 324 – 328